

**KENYATAAN TAWARAN**  
MAJLIS PERBANDARAN KANGAR, PERLIS

RUJUKAN : MPK.Ps. 013 / 078

BERTARIKH : 20 OKTOBER 2016

1. Tawaran adalah dipelawa kepada **PEMBUAT / PEMBEKAL TEMPATAN BERTARAF BUMIPUTERA** yang berdaftar dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** dan masih dibenarkan untuk menyertai sebutharga berikut :-

SYARAT PENDAFTARAN	BUTIRAN TAWARAN	TAKLIMAT TAPAK
<p style="text-align: center;"><b>KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA</b></p> <p style="text-align: center;"><b>KOD BIDANG</b></p> <p style="text-align: center;"><b>221002</b> MEMBERSIH KAWASAN</p> <p style="text-align: center;"><b>DAN</b></p> <p style="text-align: center;"><b>221003</b> MENGANGKAT SAMPAH</p>	<p><b>KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN LANDSKAP ZON D (TAMAN BUNGA KERTAS TUANKU LAILATUL SHAHREEN, GUA CENDERAWASIH, DATARAN RINDU ALAM, TREK JOGING DAN TAMAN AWAM BUKIT LAGI).</b></p>	<p><b>TARIKH : 27 OKTOBER 2016 (KHAMIS)</b></p> <p><b>MASA : 9.00 PAGI - 9.30 PAGI</b></p> <p><b>TEMPAT : TAMAN AWAM BUKIT LAGI, KANGAR, PERLIS.</b></p> <p><b>PERHATIAN PENTING :-</b></p> <p><b>DIWAJIBKAN DAN PERLU DIHADIRI OLEH PENAMA YANG DITAUHIAHKAN SEPERTI NAMA DALAM SIJIL PENDAFTARAN SAHAJA.</b></p>

2. Taklimat dan lawatan tapak adalah **DIWAJIBKAN DAN PERLU DIHADIRI OLEH PENAMA YANG DITAUHIAHKAN SEPERTI NAMA DALAM SIJIL PENDAFTARAN SAHAJA. WAKIL-WAKIL KONTRAKTOR ADALAH TIDAK DIBENARKAN MENGHADIRI TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK. SILA BAWA BERSAMA COP SYARIKAT SEMASA LAWATAN TAPAK BERKENAAN.**
3. Naskah dokumen tawaran boleh dibeli dengan harga **RM 30.00** daripada **BAHAGIAN PEROLEHAN, MAJLIS PERBANDARAN KANGAR, PERLIS** di alamat No. 192, Persiaran Jubli Emas, 01000 Kangar, Perlis mulai daripada **28 OKTOBER 2016 (JUMAAT) HINGGA 02 NOVEMBER 2016 (RABU)** sebelum jam 4.30 petang. Semasa mengambil dokumen tawaran, kontraktor hendaklah mengemukakan **SIJIL PENDAFTARAN** dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** dan **SATU (1) SALINAN** bagi sijil tersebut.
4. Permohonan dan pengambilan borang yang lewat daripada tarikh disebutkan di atas tidak akan dilayan.
5. Dokumen tawaran yang telah dipenuhi dengan sempurna, hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakari dan bertulis tajuk di sebelah kiri sampul surat serta dihantar supaya sampai ke Peti Tawaran di Majlis Perbandaran Kangar, Perlis tidak lewat dari jam **12.00 TENGAHARI** pada **04 NOVEMBER 2016 (JUMAAT)**. Dokumen tawaran yang diserahkan selepas tarikh dan masa yang ditetapkan berbangkit dari apa jua sebab tidak akan dilayan.
6. Majlis tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah sekali atau mana-mana tawaran.

**YANG DIPERTUA,**  
**MAJLIS PERBANDARAN KANGAR, PERLIS**